

**NO. SOALAN: 243**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**RUJUKAN : 9106**

**SOALAN :**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes permohonan pendaftaran pertubuhan yang diterima, dilulus, ditolak dan sedang dalam pertimbangan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia sepanjang 3 tahun lalu dan nyatakan sebab ianya ditolak dan sedang dalam pertimbangan yang memakan masa lama seperti kes pendaftaran cawangan-cawangan parti politik.

## **JAWAPAN:**

Semenjak tahun 2013 sehingga April 2016, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) telah menerima sebanyak 30,800 permohonan pendaftaran pertubuhan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 19,143 permohonan telah diluluskan, 11,464 permohonan yang ditolak dan 193 permohonan masih lagi dalam pertimbangan JPPM. Antara sebab utama penolakan adalah kegagalan pemohon untuk memenuhi syarat yang diperuntukkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335). Dalam hal ini, kegagalan pemohon untuk mengemukakan maklumat permohonan yang lengkap kepada JPPM juga akan menjejaskan tempoh pemprosesan permohonan. Berhubung dengan pendaftaran cawangan-cawangan parti politik yang memakan masa pula lazimnya berlaku ekoran daripada pertikaian dalaman pertubuhan dan juga apabila ia melibatkan kes mahkamah.